

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai dalam semua bentuk yang dikutip di negeri Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan. Senaraikan jumlah bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

- 1) Pentadbiran kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi semua negeri-negeri di Malaysia termasuklah bagi negeri Sarawak adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung. Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat/individu

termasuk cukai pegangan ke atas pendapatan bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, duti setem, dan cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, GST dan levi keuntungan luar biasa.

2) Adalah dimaklumkan juga bahawa kutipan cukai langsung atau tidak langsung di sesuatu negeri termasuklah di negeri Sarawak tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini adalah disebabkan negeri di mana lokasi cawangan LHDNM yang menerima pembayaran cukai langsung tersebut berkemungkinan besar adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh, wujud keadaan di mana aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Sarawak tetapi cukai dibayar di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur kerana syarikat memfail cukai pendapatannya di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur. Begitu juga bagi kutipan cukai tidak langsung di bawah pentadbiran JKDM yang mana syarikat menjalankan perniagaan di negeri Sarawak mungkin membuat pengimportan di negeri lain dan membayar duti import di negeri tersebut. Sebagai contoh, syarikat berkenaan membuat pengimportan melalui Pelabuhan Klang dan dengan itu kutipan duti import yang berkenaan direkodkan bagi negeri Selangor.

3) Dari segi jumlah, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung bagi negeri Sarawak berbanding kepada keseluruhan jumlah hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung di Malaysia, prestasi kutipan adalah 3.16% (2013), 3.36% (2014), 4.24% (2015) dan 4.76% (2016).